

DATE	20 / 6 / 2012	SECTION	National
PAGE	7	COLUMN	Srmasa

Pembayaran wang akaun CEO Tabung Haji ikut undang-undang

KUALA LUMPUR: Kerajaan menjelaskan bahawa pembayaran wang sebanyak RM308,700 ke dalam akaun Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Ismee Ismail pada tahun lalu adalah sah mengikut undang-undang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata ia adalah pembayaran mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan Ismee seperti diperuntukkan dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995.

"Isu ini sudah dijawab oleh Kementerian Kewangan semasa sesi penggulungan perbekalan tambahan peringkat dasar pada sidang Dewan Rakyat 4 April lalu," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) pada persidangan Dewan Rakyat kelmarin.

Mahfuz dalam soalnya meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan atas dasar apakah pada 6 Dis 2011 TH memindahkan wang sebanyak RM308,700 ke akaun Ismee.

Jamil Khir berkata TH sentiasa mendukung teguh prinsip tadbir

urus korporat yang baik bagi membendung dan mengelakkan sebarang aktiviti rasuah dan salah laku anggotanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai ketika menjawab soalan Azmin Ali (PKR-Gombak) berkata pelaksanaan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Yang Bertanggungjawab adalah bagi memastikan paras keberhutangan sektor isi rumah sentiasa pada tahap terkawal, sekaligus menggalakkan sektor isi rumah untuk terus menikmati kemudahan pinjaman mengikut kemampuan kewangan.

Katanya sejak garis panduan itu dikuatkuasakan pada 1 Jan lalu, sistem perbankan merekodkan pertumbuhan pinjaman sektor isi rumah pada kadar 11.7 peratus pada akhir April 2012, sedikit perlahan berbanding 12.9 peratus pada akhir tahun lalu.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya, pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah pada 2012 dijangka terus meningkat sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa tetapi pada tahap yang sederhana berbanding tahun 2011," katanya.-Bernama